

18 OCT 1997

AEM: TIADA RINTANGAN MENJAYAKAN EAEC KATA RAFIDAH

Oleh: E. Sivabalan

PETALING JAYA, 18 Okt (Bernama) -- Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak akan menghadapi rintangan sungguhpun langkah yang diambil China dan Korea Selatan untuk membatalkan mesyuarat yang dijadualkan di sini dengan para menteri ekonomi Asean.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata bahawa ketidakhadiran mereka tidak sama sekali menjejaskan EAEC, satu forum perundingan longgar yang dicadangkan oleh Malaysia yang bakal anggotanya terdiri daripada anggota Asean, China, Korea Selatan dan Jepun.

Menteri itu berkata rakan sejawatannya dari China dan Korea Selatan terpaksa membatalkan di saat-saat terakhir rundingan itu di antara Asean dan kedua-dua buah negara tersebut disebabkan komitmen masing-masing di negara sendiri.

EAEC tetap akan menjadi kenyataan, kata Rafidah ketika ditanya sekiranya keputusan China dan Korea Selatan untuk tidak menghadiri mesyuarat tersebut akan menjadi rintangan kepada EAEC, gugusan yang didaya ilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan disahkan oleh Asean.

Rafidah berkata demikian di persidangan berita bersama pada akhir mesyuarat tidak rasmi antara para menteri ekonomi Asean dan rakan sejawatan mereka dari Jepun, Mitsuo Horiuchi.

Rundingan antara Asean dan Australia, New Zealand dan Kumpulan Kerjasama Pembangunan Afrika Selatan selesai semalam.

Rafidah berkata menteri ekonomi China tidak dapat hadir di mesyuarat tersebut kerana beliau terpaksa menghadiri satu acara penting manakala menteri Korea pula terpaksa menghadiri persidangan dewan Parlimen negara tersebut.

Katanya rundingan antara Asean-China dan Asean-Korea Selatan terpaksa ditunda kerana menteri-menteri ekonomi kedua-dua buah negara tersebut tidak dapat hadir dan hanya dapat menghantar wakil masing-masing.

"Kami memutuskan untuk menantikan masa apabila semua negara akan diwakili oleh menteri masing-masing," kata Rafidah sambil menambah bahawa mesyuarat pertama seharusnya diadakan pada peringkat menteri.

Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean ke 29 yang bermula sejak Khamis lalu mendapati EAEC semakin diterima di kalangan negara-negara Asia-Pasifik dan bersetuju meneruskan usaha ke arah menjadikannya satu kenyataan. AEM telah dilantik sebagai kaedah operasi untuk perundingan itu. -- BERNAMA

ES MA